

23 JUN 1997

Mahathir-Multimedia

MALAYSIA-HUNGARY JALIN HUBUNGAN MULTIMEDIA

Oleh: Wan A. Hulaimi

BUDAPEST, 23 Jun (Bernama) -- Malaysia dan Hungary menjalin hubungan baru dalam teknologi multimedia hari ini dengan termeterainya memorandum persefahaman antara Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dari Malaysia dan Infopark RT, badan serupa dari Hungary, dengan disaksikan Perdana Menteri dari kedua-dua negara.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba pagi ini dari London untuk lawatan kerja dua hari menemui rakan sejawatannya Gyula Horn untuk kali kedua dalam masa tiga bulan, ketika hubungan dua hala semakin kukuh.

Horn berada di Kuala Lumpur April lepas untuk lawatan rasmi.

Memorandum itu ditandatangani di bangunan Parlimen oleh Pengerusi Eksekutif Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah dan Imre Grof dari Infopark.

Othman menyambut baik perjanjian itu dan menyifatkannya sebagai satu peluang baru bagi Koridor Raya Multimedia di Malaysia mengadakan hubungan dengan sebuah pusat di Eropah yang terkenal dengan pembangunan multimedia.

MoU itu membuka ruang bagi menjalin satu bentuk kerjasama menerusi pertukaran maklumat, mengenal pasti peluang perniagaan dan projek.

Hungary dan Malaysia akan juga menjalin hubungan menerusi program pendidikan dan pertukaran.

Dengan penduduk 10 juta orang, Hungary mempunyai banyak sumber tenaga mahir.

Infopark yang meliputi kawasan 140,000 meter persegi di kampus Budapest Institute of Technology berbanding 750 km persegi bagi MSC, diwujudkan sebagai platform utama di Hungary bagi bidang penyelidikan dan pembangunan untuk syarikat tempatan dan asing menyediakan teknologi inovatif dan terkini di sini.

"Kekayaan Hungary ialah pada sumber manusianya. Selain mempunyai lapan pemenang Hadiah Nobel, ia dapat menggerakkan lebih 1,000 jurutera dalam masa dua bulan. Berdasarkan kepada kekutan ini, kita akan dapat menikmati hasil satu bidang yang kaya dengan sumber manusia," kata Othman.

Untuk mengukuhkan lagi keupayaan teknologi maklumatnya, terdapat rancangan untuk penubuhan sebuah institut khas di Eotvas Lorand University (ELTE) manakala Infopark akan dikekalkan sebagai pusat R&D.

" Kerjasama antara Malaysia dan Hungary akan membolehkan kita terdedah dengan penyelidikan yang dijalankan oleh pakar-pakar MSC di sini," kata Dr Othman.

Katanya: "Rakyat Hungary menganggap MSC unik dan satu usaha yang paling inovatif di dunia. Sekiranya mereka berhubung dengan kita, mereka, pada kadar tertentu, memasarkan Infopark mereka kepada syarikat-syarikat multimedia yang datang ke MSC."

Hungary juga minat untuk menerima pakai MSC, pusat multimedia Malaysia, sebagai model untuk pembangunannya sendiri khususnya dalam bidang-bidang aplikasi utama dan undang-undang siber.

MSC telah mensasar tujuh aplikasi utama bagi memangkinkan pertumbuhannya -- kerajaan elektronik, sekolah bistari, teleperubatan, pelbagai penyelidikan dan pembangunan (R&D), kad pelbagaiguna, pusat-pusat pemasaran tanpa sempadan dan jaringan pengeluaran sedunia.

Dr Othman berkata jauh daripada menjadi satu saingan kepada MSC, Infopark akan membolehkan Malaysia mempunyai sekutu yang strategik dengan pusat penyelidikan IT yang inovatif.

"Selain dari ini, berkemungkinan bahawa dalam masa beberapa tahun akan datang, kita akan dihubungkan dengan pusat-pusat (multimedia) lain. Kita

akan gunakan ini sebagai platform," katanya.

Dr Othman juga bercakap mengenai rancangan untuk mengambil pakar-pakar Hungary untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan dengan "beberapa syarikat yang bekerja dengan MSC".

Selain dari mahu menggunakan pengalaman MSC sebagai model untuk pembangunannya sendiri, Hungary juga berminat untuk menarik usahawan Malaysia yang boleh melabur dalam Inforpark.

" Saya rasa mereka mahu membuat perhubungan dengan satu kawasan di dunia ini yang paling menarik dari segi pertumbuhan ekonomi," katanya. --  
BERNAMA

WAH WAT